

ABSTRAK

KAJIAN KE ATAS KESEDIAAN KOPERASI DALAM MELAKSANAKAN AKTIVITI RANTAIAN NILAI: DARI PERSPEKTIF INDUSTRI MAKANAN

**ZURITA SALEH, NORANITA MOHD NOOR, MOHD NUSI
ABDUL RAHMAN, DINAH NABILAH MOKTHARUDDIN,
NORUL HAYATIE HASHIM**

DISEMBER 2019

Landskap sektor makanan di Malaysia telah mengalami transformasi khususnya dalam aspek pengedaran produk makanan dan ini telah mendorong pengenalan kepada inovasi dalam sistem rantaian bekalan makanan. Secara amnya, faktor-faktor yang mempengaruhi situasi ini adalah disebabkan oleh peningkatan dalam kesejahteraan pengguna, fenomena globalisasi, pengenalan kepada orientasi perindustrian dan pengguna serta perubahan teknologi. Industri ini juga menghadapi pelbagai isu dan cabaran seperti peningkatan import produk makanan, krisis makanan, keselamatan serta persaingan yang menuntut koperasi untuk mengaplikasikan amalan terbaik seperti aktiviti rantaian nilai. Walau bagaimanapun, industri makanan yang diceburi oleh koperasi dianggap lemah daripada aspek prestasi aktiviti perniagaan kerana pelaksanaan amalan terbaik seperti aktiviti rantaian nilai masih di tahap yang rendah dalam kalangan koperasi. Sehubungan itu, kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kesediaan koperasi dalam melaksana aktiviti rantaian nilai. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor utama yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan kesediaan koperasi dalam melaksanakan aktiviti rantaian nilai. Hubungan perniagaan strategik dan koordinasi dalam merupakan faktor utama dalam mempengaruhi kesediaan koperasi dalam melaksana rantaian nilai. Pendekatan kualitatif digunakan dalam kajian ini dan sebanyak 104 soalan kaji selidik telah diterima untuk dianalisis. Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 21 dan analisis korelasi dan regresi mudah telah digunakan dalam kajian ini. Dapatkan kajian ini konsisten dengan kajian terdahulu serta signifikan dan relevan dengan situasi industri makanan pada masa kini kerana hubungan strategik dan koordinasi dalam merupakan amalan terbaik yang harus diberi fokus oleh koperasi bagi memastikan aktiviti rantaian dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.